

# JANGAN LEMAH SEMANGAT

UM - 7 MAY 1982

**K**UALA LUMPUR, 6 Mei — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan hari ini beliau tidak mahu melihat rakyat negara ini tercengang dengan kebolehan orang lain semata-mata kerana mereka tidak faham bagaimana orang asing menggunakan sains untuk membuat itu dan ini.

Perdana Menteri berkata: "Tidak ada sesuatu yang lebih melemahkan semangat daripada kurang pengetahuan. Kita tidak mahu rakyat Malaysia lemah semangat sehingga mudah ditawan jiwa mereka."

Beliau mengingatkan, sains sebagai ilmu pengetahuan bukanlah untuk ahli sains saja malah sains di zaman ini adalah untuk orang ramai.

Berucap merasmikan Pameran Sains 1982 dan pelancaran Tabung Penyelidikan dan Kemajuan Sains Negara, di Muzium Negara, petang ini, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata:

"Dasar sains negara yang sedang dirangka akan memberi keutamaan untuk memperkenalkan sains dalam bentuk yang mudah difahami oleh semua orang."

Katanya, adalah penting orang ramai mengenali sains dan mengetahui peranannya dalam kehidupan mereka.

Datuk Sri Dr. Mahathir menarik perhatian bahawa kerajaan menggalakkan pelajaran sains dan penyelidikan kerana ia ingin menggunakan sains untuk kebaikan dan memelihara rakyat negara ini dari ditindas dan dihina oleh orang lain.

"Akan bersalahlah kita jika kerana salah faham tentang sains dan teknologi kita menolaknya.

"Ilmu pengetahuan boleh digunakan untuk kebaikan atau keburukan. Begitu juga ilmu sains. Jika sains digunakan untuk keburukan, ini bukan kerana sains tidak baik, tetapi kerana manusia yang jahat menguasai sains.

"Menghapuskan sains untuk mengelak berlakunya kejahatan bukan caranya kerana kejahatan boleh berlaku tanpa sains. Jadi untuk mengatasi kesan keburukan dari sains caranya ialah orang yang baik dan bertanggungjawab menguasai sains," katanya lagi.

Datuk Sri Dr. Mahathir berpendapat sehingga sekarang sains masih merupakan satu perkara asing yang ganjil bagi kebanyakan rakyat Malaysia sehingga ramai yang takut memasuki bidang itu kerana dianggap susah dikuasai.

Menurutnya anggapan ini menjadi satu benteng yang tinggi yang menyekat penggunaan sains dalam mencapai kehidupan yang lebih bahagia.

"Sementara kita dengan mudahnya menggunakan hasil sains negara asing, kita sendiri tidak menggunakan cara sains dalam kajian dan teknologi sains dalam memperbaiki alat-alat dan pengeluaran kita," ujarnya.

Beliau menegaskan perlu dihapus anggapan bahawa sains adalah satu misteri yang kita tidak mungkin dapat kuasai.

Datuk Sri Dr. Mahathir menjelaskan dalam usaha itu tumpuan bukan sahaja akan diberi kepada kanak-kanak di sekolah tetapi juga kepada orang-orang dewasa terutama kaum tani yang perlu memahami proses tumbuh-tumbuhan yang menjadi sumber saraan mereka.

Beliau mengumumkan bahawa sebuah syarikat Jepun telah bersetuju untuk mengadakan pameran model-model yang menerangkan beberapa asas sains di dewan pameran Universiti Teknologi Malaysia untuk membantu orang ramai memahami dengan mudah bidang ini.

Dalam pada itu, beliau juga telah mengarahkan pihak Televisyen Malaysia supaya menayangkan siri-siri sains dengan menggunakan gambar-gambar peristiwanya dan contoh di dalam negara sendiri.

Perpustakaan juga, katanya hendaklah dilengkapi dengan buku-buku sains yang mudah difahami sebagai cara menjelaskan proses-proses sains yang berjalan.